



SIARAN AKHBAR

SIDANG MEDIA BAGI HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2016 "GENERASI CELIK KEWANGAN"

24 REJAB 1437 BERSAMAAN DENGAN 2 MEI 2016

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), berikutan dengan sesi sidang media yang telah diadakan pada hari Isnin, 2 Mei 2015 telah mengumumkan bahawa Program Hari Menabung Kebangsaan 2016 pada tahun ini akan dilancarkan pada 4 Mei 2016.
2. Hari Menabung Kebangsaan Pertama telah disabdakan pengisytiharannya oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD pada 28hb Mei 2015 yang lalu.
3. Tema Hari Menabung Kebangsaan pada tahun ini adalah "*Generasi Celik Kewangan*" dan adalah dipilih untuk mencerminkan matlamat untuk membangunkan generasi yang berkemahiran dan pandai berdikari dari segi kewangan. Ianya juga dihasratkan untuk menyumbang kepada matlamat Wawasan Brunei 2035 bagi Negara Brunei Darussalam untuk mempunyai ekonomi yang dinamik dan mampan, serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran.
4. Khusus bagi Hari Menabung Kebangsaan pada tahun ini beberapa acara dan aktiviti telah dirancang oleh AMBD dengan kerjasama Tabung Amanah Perkerja (TAP), Kementerian Pendidikan (MOE) dan pihak-pihak yang berkaitan. Dengan tumpuan utama terhadap generasi muda, beberapa acara dan aktiviti interaktif akan diadakan melalui jerayawara di sekolah-sekolah rendah di ke-empat-empat daerah. Jerayawara berkenaan akan mengetengahkan aktiviti-aktiviti yang bertemakan pengurusan kewangan dan pengenalan matawang.
5. Pada hari Ahad, 22 Mei 2016, *Financial Fun Fair* juga akan diadakan di Jerudong Park Playground di mana pelbagai aktiviti interaktif mengenai pengurusan kewangan yang berhemah dan perkara-perkara yang berkaitan dengan matawang daripada pihak AMBD, TAP dan institusi-institusi serta agensi-agensi yang berkaitan akan terus diadakan dan akan dibukakan kepada orang ramai.
6. Di samping itu, acara-acara lain yang dirancang bersempena Hari Menabung Kebangsaan 2016 adalah *Financial Planners's Day* yang dianjurkan oleh Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM), sebuah institusi latihan di bawah AMBD pada hari Khamis, 26 Mei 2016; dan *Financial Planners' Showcase* pada hari Sabtu, 28 Mei 2016.

7. Maklumat lanjut mengenai dengan Hari Menabung Kebangsaan 2016, orang ramai bolehlah melayari laman web www.ambd.gov.bn atau emel corpcomms@ambd.gov.bn.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 24 Rejab 1436 / 04 Mei 2015

Rujukan: AMBD/R/FCP/NSD2016